



GARIS PANDUAN PERMOHONAN SKIM DANA PENERBITAN BUKU (SDPB) UMS SIRI 3/2025

1. PENGENALAN

- 1.1. Permohonan peruntukan SDPB telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil. 9/2024 kali ke-367 pada 7 Mei 2024.
- 1.2. Cadangan SDPB bertujuan membantu para penyelidik menyediakan karya dalam bentuk buku hasil penyelidikan yang sesuai disampaikan kepada masyarakat untuk bacaan umum.

2. OBJEKTIF

- 2.1 Menambah hasil produk karya asli dalam kalangan kakitangan UMS yang mempunyai kepakaran dan pengalaman bermutu.
- 2.2 Meningkatkan tahap kesediaan manuskrip dengan gaya persembahan yang sesuai.
- 2.3 Memberi impak kepada masyarakat dan industri dengan topik dalam bidang-bidang yang bermanfaat.
- 2.4 Menghasilkan penerbitan karya ilmiah yang menjadi rujukan antarabangsa dan meningkatkan keterlihatan UMS.

3. TEMA

Bagi SDPB Siri 3/2025, fokus permohonan menumpukan kepada buku ilmiah bertemakan umum, Malaysiana dan Borneo, berdasarkan salah satu skop seperti berikut:

- i. Alam Sekitar & Sains Gunaan.
- ii. Perubatan & Sains Hayat.
- iii. Kejuruteraan & Teknologi.
- iv. Seni, Sains Sosial & Kemanusiaan.

4. SYARAT UMUM

- 4.1 Penerbitan buku yang menggunakan peruntukan SDPB adalah tertakluk kepada syarat-syarat di Dasar Penerbitan UMS dan Akta Hak Cipta 1987 [Akta 332].
- 4.2 Semua peruntukan SDPB perlu menghasilkan buku bercetak. E-book turut boleh diterbitkan, namun penerbitan e-book sahaja tidak dibenarkan.
- 4.3 Kategori penulisan sama ada karya asli, karya suntingan dan karya popular.

5. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 5.1 Geran ini terbuka kepada semua kakitangan akademik UMS yang berstatus aktif.
- 5.2 Manuskrip yang diserahkan kepada Penerbit UMS mestilah lengkap, kemas, bersih dan selaras. Manuskrip tersebut merupakan pemikiran terakhir sesuatu penulisan dan bukannya suatu draf yang akan dipinda kemudiannya.
- 5.3 Manuskrip yang disampaikan tebalnya mestilah sekurang-kurangnya mengandungi 50 halaman atau 30,000 patah perkataan tidak termasuk bahagian awalan, rujukan dan minimum 4 bab. Permohonan akan ditolak sekiranya manuskrip tidak mencapai jumlah minimum.
- 5.4 Pengarang tidak boleh melebihi tiga orang.
- 5.5 Penulisan hanya dalam satu bahasa sahaja, iaitu bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.
- 5.6 Pemohon tidak boleh menghantar lebih daripada satu permohonan dalam satu masa.
- 5.7 Buku yang akan dihasilkan adalah dari penyelidikan semasa/lepas (tidak melebihi 2 tahun).
- 5.8 Permohonan yang berjaya wajib diterbitkan pada tahun semasa atau tahun berikutnya.
- 5.9 Pengarang yang akan berpencen atau tamat kontrak pada tahun semasa pembukaan Dana Penerbitan Buku (SDPB) tidak dibenarkan memohon.
- 5.10 Bagi manuskrip tesis ke buku, tesis perlu dirombak untuk mengikut gaya penulisan buku dan gaya Penerbit UMS. Pemohon perlu menyertakan laporan penilaian tesis.

6 SILING PERUNTUKAN

Siling peruntukan adalah RM10,000.00 sahaja bagi setiap permohonan SDPB dan tertakluk kepada jenis perkhidmatan dalam tempoh enam bulan seperti berikut:

Vot	Jenis Perkhidmatan	Jumlah Siling (RM)
29000	Honorarium untuk pembantu (selain daripada penulis) untuk menyediakan manuskrip buku.	2,000.00
29000	Pembayaran untuk proses pewasitan, penyuntingan, reka letak dan sebagainya.	3,000.00
27000	Percetakan naskhah pukal.	5,000.00

7.0 TATACARA PERMOHONAN

- 7.1 Pemohon perlu mengemukakan permohonan penyelidikan melalui **Borang Permohonan Dana Penerbitan Buku (SDBP)**.
- 7.2 Permohonan perlu dikemukakan sebelum atau pada tarikh tamat permohonan sebagaimana yang ditetapkan oleh Penerbit UMS. Permohonan yang lewat tidak dapat dipertimbangkan.
- 7.3 Penerimaan manuskrip bermula pada Mei 2025 dan tertakluk kepada takwim penerbitan buku tahun 2025.
- 7.4 Carta Alir Proses Permohonan SDPB disertakan pada Lampiran I.

TAKWIM PENERBITAN BUKU TAHUN 2025

Bulan	Perkara	
	Skim Dana Modul Pengajaran (SDMP)	Skim Dana Penerbitan Buku (SDPB)
Januari		
Februari		
Mac	Permohonan Skim Dana Modul Pengajaran (SDMP) 2/2025	Permohonan Skim Dana Penerbitan Buku (SDPB) 3/2025
April		
Mei	Tawaran Skim Dana Modul Pengajaran (SDMP) 2/2025	Tawaran Skim Dana Penerbitan Buku (SDPB) 3/2025
Jun	Pemantauan penerbitan buku	Pemantauan penerbitan buku
Julai	Pemantauan penerbitan buku	Pemantauan penerbitan buku
Ogos	Permohonan Skim Dana Modul Pengajaran (SDMP) 3/2025	Permohonan Skim Dana Penerbitan Buku (SDPB) 4/2025
September		
Oktober	Tawaran Skim Dana Modul Pengajaran (SDMP) 3/2025	Tawaran Skim Dana Penerbitan Buku (SDPB) 4/2025
November	Pemantauan penerbitan buku	Pemantauan penerbitan buku
Disember	Pemantauan penerbitan buku	Pemantauan penerbitan buku

Lampiran I: Carta Alir Proses Permohonan Skim Dana Penerbitan Buku (SDPB)

